

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 10 APRIL 2016 (AHAD)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Tutor ke Tuaran	Mingguan Malaysia
2.	Tutor bantu budayakan kecemerlangan pelajar	Mingguan Malaysia
3.	Batu Embun masih catat bacaan tertinggi	Mingguan Malaysia
4.	35,000l water to be sent Banggi daily	Sunday Star
5.	API at unhealthy levels in 6 areas	New Sunday Times
6.	Gempa bumi kuat landa Sumatera Selatan, tiada ancaman Tsunami	BERNAMA
7.	Gempa bumi kuat landa Afganistan – Tajikistan	BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA : MUKA SURAT 20
TARIKH : 10 APRIL 2016 (AHAD)**



TUTOR KE TUARAN

MENTERI Sains, Teknologi dan Inovasi yang juga Ahli Parlimen Tuaran, Datuk Seri Madus Tangau (enam dari kiri) menunjukkan isyarat bagus sambil memegang Tutor akhbar sisipan Utusan Malaysia bersama Pengerusi Majlis Guru Besar Daerah Tuaran, Juhn Nauili (lima dari kanan), Timbalan Pengarah Pendidikan Sabah, Maimunah Suhalbul (lima dari kiri) dan Pegawai Pendidikan Tuaran, Tah Nia Jeman (empat dari kiri) sempena Majlis Penyerahan Akhbar Tutor Kepada Sekolah-sekolah Dalam Parlimen Tuaran di Tuaran, Sabah, semalam. Turut sama, Eksekutif Juatan W Sabah, Celestina Ubing (enam dari kanan). - MINGGUAN/IRWAN MAJID

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 10 APRIL 2016 (AHAD)



MADIUS TANGAU (dua kiri) menyerahkan replika cek tajaan *Tutor* kepada Juin Nauli (dua dari kanan) sambil disaksikan Maimunah Suhaibul (kiri), Tah Nia Jeman (kanan) dan Eksekutif Jualan *Utusan Malaysia* Cawangan Sabah, Celestina Ubing dalam Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang dan Penyerahan *Tutor* di Tuaran, Sabah, semalam.

Guru diminta cipta kelainan dalam sesi pembelajaran

Tutor bantu budayakan kecemerlangan pelajar

Oleh ASSIM HASSAN

pengarang@utusan.com.my

■ TUARAN 9 APRIL

NOTA ringkas dan set soalan latih tubi yang terdapat dalam akhbar pendidikan *Utusan Malaysia*, *Tutor* dilihat mampu mengangkat serta membudayakan kecemerlangan dalam kalangan murid dan pelajar di daerah ini.

Keyakinan itu disandarkan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau selain mahu para guru memanfaatkan alat bantu mengajar baharu tersebut dalam sesi pengajaran serta pembelajaran di bilik darjah.

Menurutnya, kesungguhan para guru meneroka alat bantu mengajar baharu dapat mencipta kelainan dalam sesi pengajaran sekali gus menarik minat para pelajar kepada sesuatu mata pelajaran.

"Saya berharap akhbar sisipan *Tutor* ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh para guru sebagai alat bantuan mengajar baharu kerana akhbar pen-



didikan ini amat berkualiti tinggi.

"Saya juga mahu melihat keberkesanan *Tutor* melalui peningkatan kecemerlangan murid serta pelajar di masa depan. Jika meningkat, saya tidak teragak-agak untuk meneruskan penajaan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Penyampaian Anugerah Cemerlang Pelajar serta Penyerahan Akhbar *Tutor* kepada sekolah-sekolah di dalam Parlimen Tuaran, di sini hari ini.

Yang hadir sama, Timbalan Pengerah Pendidikan negeri, Maimunah Suhaibul; Pegawai Pendidikan daerah, Tah Nia Jeman dan Pengerusi Majlis Guru Besar Daerah Tuaran, Juin Nauli.

Madius yang juga Ahli Parlimen Tuaran memperuntukkan RM40,000 untuk menaja 60,516

naskhah *Tutor* kepada 68 sekolah kebangsaan dan 10 sekolah menengah kebangsaan di daerah ini.

Seramai 5,043 calon yang bakal menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan menerima manfaat daripada tajaan akhbar *Tutor* selama 12 minggu bermula 30 Mei depan.

Sementara itu, Maimunah yakin pencapaian para murid dan pelajar di daerah itu akan meningkat dengan penggunaan alat bantu mengajar baharu seperti akhbar *Tutor*.

Malah menurutnya, akhbar *Tutor* itu dilihat mempunyai set soalan yang lengkap selain menyelitkan beberapa nota-nota ringkas untuk kegunaan para pelajar.

"Saya bersyukur apabila pemimpin kita sama-sama berjuang bagi memartabatkan taraf pendidikan di negeri ini terutama di Tuaran melalui tajaan akhbar *Tutor*.

"Para pelajar kini mempunyai banyak sumber latih tubi dan ia sekali gus berupaya meningkatkan kemahiran mereka," katanya.

